



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
Pusat Peperiksaan LPKKKP
d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan
National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)
Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor D.E
Tel : 03-89113800 | Emel : wecare[at]niosh.com.my

No. Rujukan : NIOSH/06/100-6-9 (52)

Tarikh : 03 Oktober 2025

NOTIS MAKLUMAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN HT2 DAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR (PLB) HT2

Tuan/ Puan,

MAKLUMAN PENGGUNAAN SOALAN BAHARU DAN PERUBAHAN FORMAT PEPERIKSAAN JURUTEKNIK HIGIEN 2 (HT2)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan pihak Jawatankuasa Kompetensi Juruteknik Higien 2 (HT2) dibawah Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) telah bersetuju agar soalan baharu peperiksaan HT2 berdasarkan akta dan perundangan terkini dengan merujuk modul baharu HT2 yang diluluskan oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) kepada Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) dan format peperiksaan HT2 baharu seperti yang telah diluluskan oleh LPKKKP akan digunakan bermula sesi peperiksaan tahun 2026.

3. Berikut format peperiksaan HT2 baharu :

KERTAS	BAHAGIAN	FORMAT	JUMLAH SOALAN	MASA	PEMBERAT	MARKAH LULUS	YURAN
1	A	Soalan Aneka Pilihan	40	1 jam	50%	60%	RM200
	B	Soalan Struktur	2	1 jam 30 minit	50%		
		Soalan Esei	1				
2*	A	Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA)	-	-	-	60%	RM100
	B	Pembentangan	-	10 minit	-	60%	RM200
		Sesi Soal & Jawab	-	30 minit			
3	-	Handling Equipment Skill	-	30 minit	-	100%	RM200
JUMLAH							RM700

NOTA:

*Kertas 2

- Calon perlu lulus Bahagian A dan B bagi Kertas 2.
- Calon yang gagal Kertas 2 perlu mengulang mana-mana Bahagian yang gagal sahaja (Bahagian A atau B).
- Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA) perlu dihantar secara dalam talian. Rujuk Garis Panduan Tugas Tempat Kerja.

4. Rujukan situasi calon:

- a) Calon peperiksaan yang masih berstatus Belum Lengkap (masih dalam tempoh 2 tahun untuk melengkapkan peperiksaan dari tarikh peperiksaan pertama) perlulah melengkapkan peperiksaan pada tahun 2025 sehingga lulus.
- b) Sekiranya calon masih berstatus Belum Lengkap sehingga sesi peperiksaan tahun 2025 & Januari 2026 tamat dan masih sah dalam tempoh dua (2) tahun yang ditetapkan, calon perlu mengulang peperiksaan menggunakan format peperiksaan HT2 dan soalan baharu bermula sesi peperiksaan tahun 2026.

5. Calon digalakkan untuk menghadiri mana-mana seminar berkaitan perubahan perundangan dan lain-lain berkaitan atau kursus peralihan HT2 anjuran PLB sekiranya ada sebelum menduduki peperiksaan HT2 tahun 2026.

6. Syarat dan Format Peperiksaan HT2 baharu boleh dimuat turun menerusi laman sesawang NIOSH. Sila layari laman sesawang NIOSH bagi membuat pendaftaran peperiksaan sebelum tarikh tutup permohonan.

7. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan/ puan boleh menghubungi Pusat Peperiksaan LPKKKP (d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan, NIOSH) di talian 03-89113800/ mesej Whatsapp 019-6668599 atau e-mel wecare@niosh.com.my.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Kesuma Bangsa"

Saya yang menjalankan amanah,



BAHRUDIN BIN MAMAT

Pengerusi Bersama

Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)